



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM PANTAU KES BAPA SAUDARA HEMPAS BAYI 40 HARI KE LANTAI, CAMPAK BUDAK 3 TAHUN DARI TINGKAT 1

PUTRAJAYA, 4 OGOS - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius kes seorang bapa saudara yang menghempas bayi ke lantai dan mencampak seorang kanak-kanak berusia tiga (3) tahun dari tingkat satu (1), di Pulau Pinang seperti yang telah dilaporkan oleh media pada 3 Ogos 2023.

KPWKM mengambil maklum yang suspek telah ditahan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan siasatan menyeluruh sedang dijalankan. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menyantuni keluarga ini bagi menghulurkan bantuan yang bersesuaian seperti pemeliharaan dan perlindungan berdasarkan Seksyen 17 Akta Kanak-kanak 2001.

Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana kesalahan yang melibatkan hak dan kebajikan kanak-kanak. KPWKM komited untuk terus meningkatkan kesedaran melalui kerjasama pelbagai pihak dalam usaha melindungi kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama serta memastikan tindakan tegas diambil kepada pesalah yang terlibat dengan penderaan dan salah laku terhadap kanak-kanak.

Masyarakat dimohon untuk tidak membuat sebarang spekulasi berkaitan kejadian itu sehingga pihak berkuasa selesai menjalankan siasatan. KPWKM juga menyeru masyarakat yang mengetahui mengenai sebarang kes penderaan melibatkan kanak-kanak untuk menghubungi Talian Kasih di talian 15999 atau nombor WhatsApp 019-2615999 atau terus ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) terdekat bagi mendapatkan bantuan segera.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

4 OGOS 2023